KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA 2008

1. PROFIL PERIKANAN

Pada tahun 2008, sektor perikanan negara yang merangkumi perikanan tangkapan dan akuakultur telah menghasilkan pengeluaran ikan makan sebanyak 1,753,311.33 tan metrik bernilai RM7,406.29 juta. Pengeluaran ikan hiasan bagi tahun 2008 sebanyak 590,139,150 ekor bernilai RM734.02 juta manakala, tumbuhan akuatik sebanyak 143,659,220 ikat bernilai RM14.48 juta. Jika dibandingkan dengan pengeluaran ikan makan pada tahun 2007, ia mencatatkan peningkatan sebanyak 5.99% dan 14.52% masing-masing dari segi kuantiti dan nilai. Dalam tahun yang sama, sektor perikanan telah menyumbang sebanyak 1.2% kepada KDNK* negara.

Dari jumlah pengeluaran ikan negara, sub-sektor perikanan tangkapan marin yang merangkumi laut pantai dan laut dalam telah menyumbang sebanyak 1,394,531 tan metrik atau 79.54% bernilai RM5,627.14 juta, iaitu peningkatan sebanyak 0.95% daripada tahun sebelumnya. Di bawah sub-sektor ini, perikanan pantai masih kekal sebagai penyumbang utama dengan pengeluaran sebanyak 1,078,752 tan metrik bernilai RM4,494.79 juta atau 77.36%. Manakala perikanan laut dalam pula telah menyumbang sebanyak 315,779 tan metrik bernilai RM1,132.35 juta.

Sub-sektor akuakultur pula telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 354,427.55 tan metrik yang bernilai RM1,740.05 juta iaitu 20.21% dari pengeluaran ikan negara. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 32.00% dan 24.88% dari segi kuantiti dan nilai masing-masing berbanding tahun sebelumnya.

* Keluaran Dalam Negara Kasar Perikanan adalah RM6,431 juta pada Harga Malar 2000 (Akaun Negara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Suku Pertama 2009, muka surat 34 & 40)

Pengeluaran ikan hiasan yang direkodkan adalah sebanyak 590,139,150 ekor pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 32.39% . Manakala tumbuhan akuatik menunjukkan peningkatan sebanyak 27.78% kepada 143,659,220 ikat pada tahun 2008. Nilai ikan hiasan dan tumbuhan akuatik pula meningkat sebanyak 15.68% kepada RM748.50 juta pada tahun yang sama.

Perikanan darat atau perikanan tangkapan air tawar masih merupakan penyumbang yang kecil dimana pada tahun 2008 ia hanya mencatatkan pengeluaran sebanyak 4,352.78 tan metrik atau 0.25% daripada jumlah pengeluaran ikan negara bernilai RM39.10 juta.

Daripada segi tenaga kerja, sektor perikanan mencatatkan seramai 109,771 orang nelayan yang bekerja di atas vesel berlesen dan 30,634 orang penternak ikan terlibat dalam pelbagai sistem akuakultur. Pada tahun 2008, jumlah vesel penangkapan ikan yang berlesen ialah 40,959 unit yang kebanyakan daripadanya mengusahakan peralatan menangkap ikan tradisional.

2. PERIKANAN TANGKAPAN MARIN

2.1 Nelayan

Sejumlah 109,771 orang nelayan telah direkodkan bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang berlesen pada tahun 2008 berbanding dengan 99,617 orang pada tahun 2007, meningkat sebanyak 10.19%. Dari jumlah ini seramai 33,052 orang adalah nelayan asing (bukan warganegara Malaysia) yang kebanyakkannya adalah terdiri daripada rakyat Thailand, Indonesia dan China.

Dari jumlah bilangan nelayan tersebut, seramai 52,257 (47.61%) orang nelayan bekerja di atas vesel komersial, iaitu menggunakan peralatan pukat tunda, pukat jerut ikan dan pukat jerut bilis, manakala selebihnya berjumlah 57,514 orang (52.39%) bekerja di atas vesel yang mengusahakan peralatan menangkap ikan tradisional.

2.2 Vesel Penangkapan Ikan

Pada keseluruhannya bilangan vesel penangkapan ikan yang berlesen di Malaysia adalah sebanyak 40,959 buah pada tahun 2008 berbanding dengan 39,221 buah pada tahun 2007, meningkat sebanyak 4.43%. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan bilangan vesel yang membaharui lesen vesel menangkap ikan yang telah tamat tempoh setahun.

Semenanjung Malaysia mencatatkan bilangan sebanyak 25,476 buah pada tahun 2008 iaitu 62.20% dari keseluruhan bilangan vesel. Pantai Barat mencatatkan sebanyak 17,990 buah, iaitu sebanyak 70.62% dari keseluruhan bilangan vesel Semenanjung Malaysia, manakala Pantai Timur mencatatkan 29.38% iaitu sebanyak 7,486 buah. Di Pantai Barat, Negeri Perak mencatatkan bilangan vesel yang paling banyak berjumlah 4,899 buah (27.23%), manakala di Pantai Timur pula, Negeri Terengganu mencatatkan bilangan vesel terbanyak iaitu 2,439 buah (32.58%).

Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan bilangan vesel sebanyak 15,483 buah iaitu merangkumi 37.80% daripada jumlah keseluruhan vesel di Malaysia di mana ia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2.81% berbanding tahun 2007 yang mencatatkan sebanyak 15,060 buah sahaja. Bilangan yang tertinggi didapati di negeri Sabah sebanyak 10,978 buah.

Bilangan vesel penangkapan ikan laut dalam adalah kecil dibandingkan dengan bilangan vesel penangkapan ikan laut pantai. Vesel penangkapan ikan laut dalam adalah vesel yang bermuatan 70 GRT dan ke atas, di mana kawasan menangkap ikan ialah di perairan 30 batu nautika dari pantai hingga ke sempadan perairan Zon Ekonomi Eksklusif Negara. Pada tahun 2008 terdapat 39,960 buah vesel dilesenkan untuk beroperasi di perairan laut pantai berbanding dengan hanya 999 buah di perairan laut dalam iaitu peningkatan sebanyak 24.72% daripada 801 buah pada tahun 2007. Bilangan vesel laut dalam ini tidak termasuk vesel-vesel 70 GRT ke atas yang dilesenkan untuk menangkap ikan tuna, vesel pukat jerut bilis, vesel masak bilis, vesel pukat tangguk 70GRT, vesel Pancing Tuna 70GRT dan vesel Bubu 70GRT.

2.3 Peralatan Menangkap Ikan

Pada tahun 2008, bilangan peralatan menangkap ikan yang berlesen meningkat 3.65% kepada 39,961 unit daripada 38,554 unit pada tahun 2007.

Terdapat perbezaan di antara bilangan vesel yang berlesen dan bilangan peralatan menangkap ikan. Faktor ini disebabkan oleh sesebuah vesel penangkapan ikan berlesen lazimnya dilesenkan untuk menggunakan satu jenis peralatan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat vesel yang dilesenkan untuk mengusahakan lebih daripada satu jenis peralatan contohnya, peralatan menangkap ikan tradisional bergerak yang mesra sumber sama ada pada masa yang sama atau pun di musim yang berlainan**.** Ini bertujuan untuk membantu menambahkan pendapatan nelayan tradisional.

Faktor kedua yang menyumbang kepada perbezaan bilangan vesel berlesen dan bilangan peralatan adalah kerana terdapat vesel berlesen yang tidak dilesenkan untuk mengusahakan sebarang peralatan menangkap ikan. Sebagai contoh, vesel Menunggu Peranti Pengumpul Ikan (MPPI) dan vesel masak bilis. Pada masa yang sama, terdapat juga dua vesel dilesenkan untuk menggunakan satu lesen peralatan menangkap ikan sahaja iaitu vesel kenka dua bot.

2.4 Pendaratan Ikan Marin

Sumber perikanan di dalam perairan Malaysia dibahagikan kepada dua, iaitu laut pantai dan laut dalam. Laut pantai merupakan perairan dari pantai sehingga 30 batu nautika manakala laut dalam melepasi 30 batu nautika dari pantai.

Pada tahun 2008, pendaratan ikan marin meningkat dengan kadar sederhana dan mencatatkan pendaratan sebanyak 1,394,531 tan metrik, meningkat 0.95% berbanding dengan 1,381,424 tan metrik pada tahun 2007. Sektor laut pantai telah menurun sebanyak 3.43% dari 1,117,056 tan metrik pada tahun 2007 kepada 1,078,752 tan metrik pada tahun 2008. Manakala, pendaratan ikan marin laut dalam pula bertambah sebanyak 19.45% dari 264,367 tan metrik pada 2007 kepada 315,779 tan metrik pada tahun 2008**.**

Pendaratan ikan marin merangkumi ikan pelagik sebanyak 38.25% iaitu 533,404 tan metrik, 19.65% ikan demersal iaitu 274,049 tan metrik dan 42.10% moluska, krustasia dan lain-lain iaitu 587,078 tan metrik.

Pendaratan dan nilai ikan marin mengikut negeri untuk tahun 2008 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Pendaratan Dan Nilai Ikan Marin Mengikut Negeri Pada Tahun 2008

Negeri	Laut Pantai		Laut Dalam		Jumlah	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)
Pantai Barat						
Perlis	116,991	293.74	72,367	155.93	189,358	449.67
Kedah	80,468	382.39	15,472	82.97	95,940	465.36
P.Pinang	39,564	220.79	4,063	31.65	43,627	252.44
Perak	189,171	771.88	29,895	90.57	219,066	862.45
Selangor	124,224	318.37	0	0.00	124,224	318.37
N.Sembilan	376	4.46	0	0.00	376	4.46
Melaka	1,790	20.13	0	0.00	1,790	20.13
Johor Barat	19,331	156.98	0	0.00	19,331	156.98
Jumlah Kecil	**571,914**	**2,168.74**	**121,797**	**361.12**	**693,711**	**2,529.86**
Pantai Timur						
Kelantan	16,557	68.81	51,482	206.68	68,039	275.49
Terengganu	72,873	379.93	31,826	134.66	104,699	514.60
Pahang	88,302	433.63	30,947	146.22	119,249	579.85
Johor Timur	58,174	222.42	11,418	42.07	69,592	264.49
Jumlah Kecil	**235,905**	**1,104.79**	**125,673**	**529.63**	**361,578**	**1,634.42**
Semenanjung Malaysia	807,818	3,273.53	247,470	890.75	1,055,288	4,164.27
Sarawak	79,311	465.77	57,013	201.80	136,324	667.58
Sabah	166,480	609.21	7,530	14.27	174,010	623.48
W.P Labuan	25,143	146.28	3,766	25.53	28,909	171.81
MALAYSIA	**1,078,752**	**4,494.79**	**315,779**	**1,132.35**	**1,394,531**	**5,627.14**

Di Semenanjung Malaysia, sumbangan pendaratan ikan marin yang terbanyak sejumlah 532,926 tan metrik adalah dari vesel pukat tunda (50.50%) diikuti oleh vesel pukat jerut ikan dan jerut bilis sejumlah 325,957 tan metrik (30.89%) dan vesel penangkapan ikan tradisional sejumlah 196,405 tan metrik (18.61%).

Dari segi kawasan di Semenanjung Malaysia, pendaratan ikan di Pantai Barat menyumbangkan sebanyak 693,711 tan metrik (65.74%)

di mana Negeri Perak sahaja telah menyumbangkan sebanyak 219,066 tan metrik (31.58%) diikuti oleh Perlis sebanyak 189,358 tan metrik (27.30%). Di Pantai Timur pula, Negeri Pahang dan Terengganu adalah penyumbang utama iaitu sebanyak 119,249 tan metrik (32.98%) dan 104,699 tan metrik (28.96%) masing-masing.

Dari segi pendaratan oleh vesel pukat tunda di Semenanjung Malaysia, diperhatikan bahawa ia telah menurun sebanyak 3.35% di sebelah Pantai Barat iaitu dari 372,355 tan metrik pada tahun 2007 kepada 359,887 tan metrik pada tahun 2008. Pantai Timur menunjukkan penurunan sebanyak 10.17% iaitu dari 192,636 tan metrik pada tahun 2007 kepada 173,039 tan metrik pada tahun 2008, di mana Negeri Kelantan telah menunjukkan penurunan tertinggi sebanyak 54.08% disebabkan pengurangan bilangan vesel yang beroperasi.

Pendaratan vesel pukat jerut ikan pula meningkat 2.18% di Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu dari 165,086 tan metrik pada tahun 2007 kepada 168,687 tan metrik pada tahun 2008. Pendaratan pukat jerut di Pantai Timur meningkat 35.02% dari 105,444 tan metrik pada tahun 2007 kepada 142,372 tan metrik pada tahun 2008, di mana negeri Kelantan menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu 70.36% kepada 42,510 tan metrik berbanding 24,953 tan metrik pada tahun 2007. Ini disebabkan oleh pertambahan bilangan vesel Pukat Jerut Ikan yang beroperasi.

Pada tahun 2008, sebanyak 3,437 tan metrik ikan tuna oceanik bernilai RM29.84 juta telah didaratkan di negeri Pulau Pinang. Spesis yang didaratkan adalah Tuna Sirip Kuning, Tuna Mata Besar dan Tuna Albakor. Pendaratan ikan tuna oceanik pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan sebanyak 28.53% berbanding 2,674 tan

metrik pada tahun 2007. Faktor peningkatan ini adalah disebabkan oleh musim migrasi Tuna yang berhampiran dengan Malaysia dan seterusnya lokasi penangkapan ikan tuna yang berhampiran dengan negara menyebabkan ikan tersebut didaratkan di Malaysian International Tuna Port (MITP) di Pulau Pinang.

Di Semenanjung Malaysia sahaja, 76.55% daripada pendaratan ikan adalah dari laut pantai. Walau bagaimanapun, jumlah ini telah menurun sebanyak 0.49% dari 811,767 tan metrik pada tahun 2007 kepada 807,818 tan metrik pada tahun 2008. Sebahagian besarnya iaitu 75.76% disumbangkan oleh vesel-vesel penangkapan ikan komersial yang mengusahakan peralatan pukat tunda dan pukat jerut ikan bermuatan ke bawah 70 GRT. Pendaratan vesel-vesel ini telah menurun sebanyak 1.53% daripada 621,472 tan metrik pada tahun 2007 kepada 611,992 tan metrik pada tahun 2008.

Pendaratan ikan marin laut dalam di Semenanjung Malaysia telah meningkat 13.88% dari 217,316 tan metrik pada tahun 2007 kepada 247,470 tan metrik pada tahun 2008. Jumlah ini adalah 78.37% dari pendaratan laut dalam negara. Nilai pendaratan juga turut meningkat sebanyak 22.87% dari RM 724.96 juta kepada RM890.75 juta pada tahun 2008. Sebahagian besarnya iaitu 93.75% disumbangkan oleh Vesel Pukat Tunda dan Pukat Jerut bermuatan 70 GRT dan ke atas.

Bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pendaratan ikan marin laut pantai menurun sebanyak 11.25% dari 305,289 tan metrik pada tahun 2007 kepada 270,934 tan metrik pada tahun 2008. Manakala pendaratan ikan marin laut dalam pula meningkat sebanyak 45.18% dari 47,051 tan metrik pada tahun 2007 kepada 68,309 tan metrik pada tahun 2008. Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 367.25% iaitu dari 806 tan metrik

pada tahun 2007 kepada 3,766 tan metrik pada tahun 2008. Pendaratan terbesar ini disumbangkan oleh Pukat Jerut Ikan bermuatan 70 GRT dan ke atas pada bulan Mei dan spesis utama yang didaratkan adalah Aya Hitam, Aya Selasih dan Aya Kurik.

3. AKUAKULTUR

3.1 Pengeluaran Akuakultur

Pada tahun 2008, pengeluaran dari sub-sektor akuakultur negara adalah berjumlah 354,427.55 tan metrik dengan nilai RM1,740.05 juta yang kebanyakkannya adalah dari pengeluaran kolam air tawar, sistem kultur dasar laut (ternakan kerang) dan kolam air payau. Pengeluaran dan nilainya meningkat masing-masing sebanyak 32.00% dan 24.88% berbanding tahun 2007, iaitu 268,514.21 tan metrik bernilai RM1,393.35 juta. Secara keseluruhannya, ianya telah menyumbang sebanyak 20.21% dari pengeluaran ikan negara.

Dalam tahun 2008, sejumlah 30,634 penternak telah terlibat dalam industri akuakultur yang menunjukkan peningkatan sebanyak 43.91% jika dibandingkan pada tahun 2007, iaitu 21,287 orang. Pertambahan ini disebabkan oleh pelesenan penternak akuakultur yang dilakukan di negeri Sarawak. Sejumlah besar tenaga kerja adalah terlibat dalam industri akuakultur air tawar yang merangkumi seramai 24,105 orang dan merupakan 78.69% daripada jumlah keseluruhan penternak akuakultur negara. Manakala seramai 6,529 orang penternak atau 21.31% terlibat dalam industri akuakultur air payau/masin.

3.2 Akuakultur Air Tawar

Pada tahun 2008 ternakan ikan air tawar menyumbang sebanyak 95,846.16 tan metrik bernilai RM471.80 juta iaitu 27.04% dan 27.11% masing-masing daripada jumlah dan nilai pengeluaran keseluruhan sub-sektor akuakultur. Pengeluaran dan nilai menunjukkan peningkatan 36.80% dan 35.02% berbanding 2007 iaitu 70,064.29 tan metrik dan nilai RM349.42 juta.

3.2.1 Sistem Kolam

Ternakan ikan dalam kolam menyumbang sebanyak 70,361.45 tan metrik atau 73.41% dari jumlah pengeluaran ikan air tawar. Angka ini meningkat sebanyak 44.98% berbanding pengeluaran pada tahun 2007 iaitu sebanyak 48,532.15 tan metrik. Nilainya juga meningkat kepada RM338.91 juta daripada RM239.69 juta pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 41.40%. Spesis utama yang diternak adalah Keli (39,981.28 tan metrik bernilai RM125.46 juta), Tilapia Merah (16,515.81 tan metrik bernilai RM101.37 juta) dan Patin (4,543.88 tan metrik bernilai RM25.10 juta).

Di bawah sistem ternakan ini seluas 4,916.22 hektar kolam telah diusahakan dan menunjukkan peningkatan sebanyak 5.26% berbanding tahun sebelumnya iaitu seluas 4,670.47 hektar.

3.2.2 Sistem Bekas Lombong

Pengeluaran dari bekas lombong meningkat sebanyak 24.39% daripada 12,039.44 tan metrik dalam tahun 2007 kepada

14,976.18 tan metrik dalam tahun 2008. Nilai pengeluaran juga meningkat sebanyak 37.00% daripada RM48.41 juta dalam tahun 2007 kepada RM66.32 juta dalam tahun 2008. Keluasan bekas lombong yang direkodkan untuk tujuan ternakan ikan pada tahun 2008 adalah 2,414.79 hektar bertambah 47.03% daripada 1,642.37 hektar pada tahun 2007. Spesis utama yang diternak adalah Tilapia Hitam (5,171.39 tan metrik bernilai RM18.99 juta), Tilapia Merah (3,861.99 tan metrik bernilai RM18.31 juta) dan Kap Kepala Besar (2,234.73 tan metrik bernilai RM5.37 juta).

3.2.3 Sistem Sangkar Air Tawar

Ternakan sangkar air tawar menyumbang 7.76% dari keseluruhan pengeluaran ternakan air tawar iaitu meningkat sebanyak 5.14% daripada 7,074.80 tan metrik pada tahun 2007 kepada 7,438.40 tan metrik dalam tahun 2008. Nilai juga meningkat 6.05% kepada RM53.15 juta pada tahun 2008 daripada RM50.12 juta pada tahun 2007. Keluasan sangkar air tawar yang direkodkan pada tahun 2008 adalah 336,594.23 meter persegi meningkat 17.48% daripada 286,522.14 meter persegi pada tahun 2007. Tilapia Merah merupakan spesis utama yang diternak dengan pengeluaran sebanyak 4,442.51 tan metrik bernilai RM25.24 juta dan diikuti Patin sebanyak 1,933.05 tan metrik bernilai RM20.53 juta.

3.2.4 Sistem Tangki Simen

Ternakan tangki simen menyumbang 2,569.02 tan metrik meningkat 23.82% daripada 2,074.75 tan metrik pada tahun 2007. Dari segi nilai juga meningkat 18.84% kepada RM11.48

juta pada tahun 2008 daripada RM9.66 juta pada tahun 2007. Spesis utama yang diternak adalah Tilapia Merah iaitu sebanyak 1,420.55 tan metrik bernilai RM7.52 juta. Selangor merupakan pengeluar utama ternakan tangki simen iaitu sebanyak 1,404.44 tan metrik bernilai RM6.58 juta. Keluasan keseluruhan ternakan tangki simen adalah 178,351.23 meter persegi pada tahun 2008 meningkat 50.12% daripada 118,808.50 meter persegi pada tahun 2007.

3.2.5 Sistem Kandang Ikan

Pada tahun 2008, ternakan kandang ikan menyumbang 225.31 tan metrik menurun 32.69% daripada 334.74 tan metrik pada tahun 2007. Nilai juga menunjukkan penurunan sebanyak 34.87% kepada RM0.99 juta pada tahun 2008 daripada RM1.52 juta pada tahun 2007. Keluasan keseluruhan kandang ikan pula meningkat 210.10% kepada 117.03 hektar pada tahun 2008 daripada 37.74 hektar pada tahun 2007. Penambahan keluasan ini disumbangkan oleh negeri Kelantan iaitu sebanyak 315.52% berbanding 2007. Ini disebabkan oleh pertambahan bilangan ladang yang baru beroperasi tetapi masih belum mengeluarkan hasil pada tahun 2008. Spesis utama yang diternak adalah Tilapia Merah dan Patin. Pengeluaran paling tinggi sistem kandang ikan adalah dari negeri Kelantan iaitu sebanyak 122.43 tan metrik bernilai RM0.53 juta.

3.2.6 Sistem Tangki Kanvas

Pada tahun 2008, pengeluaran yang direkodkan iaitu 275.80 tan metrik dengan nilai RM0.94 juta, berbanding 8.41 tan

metrik bernilai RM28,970 pada tahun 2007. Negeri Terengganu mencatatkan pengeluaran tertinggi dari tangki kanvas iaitu 221.99 tan metrik bernilai RM0.72 juta. Pertambahan pengeluaran daripada tangki kanvas disebabkan oleh pelaksanaan kempen Bumi Hijau yang giat dilaksanakan di seluruh negara sepanjang tahun 2008. Keluasan ternakan sistem tangki kanvas telah meningkat daripada 953.20 meter persegi pada tahun 2007 kepada 27,351.13 meter persegi pada tahun 2008. Negeri yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah Selangor (8,001.77 meter persegi), Perak (7,700.00 meter persegi), Terengganu (3,876.00 meter persegi) dan Pulau Pinang (1,076.40 meter persegi). Spesis utama yang diternak adalah ikan Keli.

3.3 Akuakultur Air Payau

Ternakan air payau dalam tahun 2008 menyumbang 72.96% daripada jumlah pengeluaran akuakultur. Sumbangan ini meningkat 30.30% daripada 198,449.92 tan metrik pada tahun 2007 kepada 258,581.39 tan metrik tahun 2008. Nilai bagi keseluruhan ternakan air payau meningkat 21.49% daripada RM1,043.93 juta pada tahun 2007 kepada RM1,268.25 juta pada tahun 2008.

3.3.1 Sistem Kolam Air Payau

Ternakan kolam air payau meningkat sebanyak 51.71% kepada 57,118.46 tan metrik dalam tahun 2008 daripada 37,650.63 tan metrik dalam tahun 2007. Nilai juga meningkat sebanyak 31.53% kepada RM799.69 juta pada tahun 2008 daripada RM607.98 juta pada tahun 2007. Keluasan kolam air payau menurun 6.61% kepada 7,137.06 hektar pada tahun

2008 daripada 7,642.46 hektar pada tahun 2007. Negeri Perak mencatatkan pengeluaran tertinggi berbanding negeri lain iaitu sebanyak 13,889.27 tan metrik bernilai RM153.41 juta.

3.3.2 Sistem Sangkar Air Payau

Ternakan sangkar air payau di seluruh Malaysia adalah sebanyak 19,719.24 tan metrik, meningkat 30.39% berbanding 15,122.82 tan metrik pada tahun 2007. Walau bagaimanapun nilai pengeluaran meningkat sebanyak 16.23% kepada RM373.01 juta pada tahun 2008 daripada RM320.93 juta dalam tahun 2007. Keluasan keseluruhan ternakan sangkar air payau meningkat 23.47% daripada 1,312,234.15 meter persegi pada tahun 2007 kepada 1,620,152.75 meter persegi pada tahun 2008.

Johor mendahului negeri lain dengan pengeluaran sebanyak 7,587.15 tan metrik bernilai RM152.34 juta. Pengeluaran utama dari sangkar air payau terdiri daripada ikan Siakap, Kerapu dan Merah.

3.3.3 Sistem Kultur Di Dasar Laut

Pengeluaran kerang merupakan 23.64% daripada jumlah pengeluaran dari sistem ternakan air payau. Pengeluaran kerang pada tahun 2008 meningkat 23.21% kepada 61,138.32 tan metrik daripada 49,620.16 tan metrik pada tahun 2007. Nilai juga meningkat sebanyak 5.35% daripada RM62.30 juta pada tahun 2007 kepada RM65.63 juta pada tahun 2008. Negeri Perak menghasilkan pengeluaran tertinggi pada tahun 2008 sebanyak 54.64% berjumlah 33,403.55 tan metrik bernilai

RM36.08 juta diikuti oleh Negeri Selangor sebanyak 14,750.50 tan metrik bernilai RM15.37 juta. Keluasan keseluruhan ternakan kerang meningkat 50.41% kepada 9,400.79 hektar pada tahun 2008 daripada 6,250.09 hektar pada tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh pengezonan semula kawasan kebun kerang di negeri Selangor.

3.3.4 Sistem Para

3.3.4.1 Siput Sudu

Ternakan siput sudu telah meningkat sebanyak 122.91% kepada 8,993.71 tan metrik dalam tahun 2008 daripada 4,034.77 tan metrik dalam tahun 2007. Nilai pengeluaran siput sudu juga meningkat kepada RM5.56 juta dalam tahun 2008 daripada RM3.20 juta pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 73.75%. Negeri Johor masih kekal sebagai pengeluar utama dengan pengeluaran sebanyak 8,483.07 tan metrik bernilai RM3.61 juta iaitu 94.32% pengeluaran siput sudu negara. Keluasan ternakan siput sudu meningkat 30.84% daripada 188,095.73 meter persegi pada tahun 2007 kepada 246,105.06 meter persegi pada tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan keluasan di Negeri Pulau Pinang sebanyak 70,500.00 meter persegi.

3.3.4.2 Tiram

Ternakan tiram menurun sebanyak 68.33% iaitu 275.47 tan metrik dalam tahun 2008 berbanding

869.72 tan metrik pada tahun 2007. Nilai pengeluaran juga menurun 72.94% kepada RM1.25 juta pada tahun 2008 daripada RM4.62 juta pada tahun 2007. Sabah merupakan pengeluar utama tiram iaitu sebanyak 221.05 tan metrik bernilai RM1.25 juta. Keluasan keseluruhan ternakan tiram menurun 31.67% kepada 272,102.49 meter persegi pada tahun 2008 berbanding 398,208.33 meter persegi pada tahun 2007.

3.3.4.3 Rumpai Laut

Pengeluaran rumpai laut pada tahun ini meningkat 23.30% kepada 111,298.20 tan metrik (berat basah) pada tahun 2008 daripada 90,268.50 tan metrik (berat basah) pada tahun 2007. Dari segi nilai pula menunjukkan peningkatan sebanyak 23.32% kepada RM22.26 juta pada tahun 2008 daripada RM18.05 juta pada tahun 2007. Negeri Sabah merupakan satu-satunya pengeluar rumpai laut di Malaysia. Keluasan keseluruhan ternakan rumpai laut juga meningkat 15.65% daripada 6,684.19 hektar pada tahun 2007 kepada 7,730.57 hektar pada tahun 2008.

3.3.5 Sistem Tangki Air Masin

Pengeluaran sistem tangki air masin mula pada tahun 2008 turun mendadak kepada 38.00 tan metrik berbanding 883.32 tan metrik pada tahun 2007. Nilai juga menunjukkan penurunan kepada RM0.84 juta daripada RM26.84 juta pada

tahun sebelumnya. Hanya 3 buah negeri sahaja yang mempunyai pengeluaran daripada sistem tangki masin iaitu Sabah, Sarawak dan Terengganu. Pengeluaran paling ketara adalah dari negeri Sabah yang disebabkan oleh sumber ketam lembut dari semula jadi yang berkurangan serta dipengaruhi oleh kegawatan ekonomi di seluruh dunia.

3.4 Ternakan Ikan Hiasan

Pengeluaran ikan hiasan dan tumbuhan akuatik pada tahun ini pula menunjukkan peningkatan berbanding dengan pengeluaran sebelumnya. Pengeluaran ikan hiasan yang direkodkan adalah sebanyak 590,139,150 ekor pada tahun 2008 meningkat 32.39% daripada 445,748,137 ekor yang dihasilkan pada tahun 2007. Manakala tumbuhan akuatik menunjukkan peningkatan sebanyak 27.78% daripada 112,430,160 ikat pada tahun 2007 kepada 143,659,220 ikat pada tahun 2008. Nilai ikan hiasan dan tumbuhan akuatik pula meningkat sebanyak 15.68% iaitu daripada RM647.05 juta kepada RM748.50 juta pada tahun yang sama. Negeri Johor merupakan penyumbang terbesar pengeluaran ikan hiasan negara (termasuk tumbuhan akuatik) sebanyak 325,926,940 ekor ikan hiasan bernilai RM646.79 juta dan 143,520,320 ikat tumbuhan akuatik bernilai RM14.27 juta.

4. PENGELUARAN BENIH

Pada tahun 2008, sejumlah 1,482.61 juta ekor rega dan benih ikan air tawar dan ikan air payau telah dikeluarkan oleh pusat pembaik biak kerajaan dan swasta, berbanding 3,269.48 juta ekor rega dan benih yang dikeluarkan pada tahun 2007 iaitu penurunan sebanyak 54.65 %. Pengeluaran nauplii dan benih udang air payau/masin dan udang galah pada tahun 2008 adalah

10,099.10 juta ekor menurun sebanyak 18.12% daripada 12,333.34 juta ekor pada tahun 2007.

Pengeluaran benih dan rega ikan air tawar pada tahun 2008 adalah sebanyak 902.06 juta ekor daripada 152 buah pusat pembaik biak ikan kerajaan dan juga pusat pembaik biak benih dan rega ikan air tawar swasta. Sebanyak 16.79 juta ekor benih dan rega dikeluarkan oleh pusat pembaik biak ikan kerajaan, menurun 27.60% daripada 23.19 juta ekor pada tahun 2007. Spesis utama yang dikeluarkan ialah Keli, Tilapia Merah dan Lampam Jawa. Bagaimanapun, sebanyak 885.27 juta ekor benih dan rega ikan air tawar dikeluarkan oleh pusat pembaik biak swasta iaitu menurun 0.47% daripada 889.48 juta ekor pada tahun 2007.

Pada tahun 2008 terdapat sebanyak 103 buah pusat pembaik biak benih dan rega ikan air payau kerajaan dan swasta dengan pengeluaran sebanyak 580.55 juta ekor. Pengeluaran benih dan rega ikan air payau dari pusat pembaik biak kerajaan adalah sebanyak 148.03 juta ekor iaitu meningkat 27.87% daripada 115.77 juta ekor pada tahun 2007. Sebanyak 432.52 juta ekor benih dan rega ikan air payau dikeluarkan dari pusat pembaik biak swasta berbanding 2,241.03 juta ekor pada tahun 2007. Spesis utama benih dan rega ikan air payau ialah Siakap dan Kerapu.

Pengeluaran nauplii dan benih udang air payau / masin dan udang galah dari pusat pembaik biak kerajaan pada tahun 2008 adalah sebanyak 34.33 juta ekor meningkat 69.11% daripada 20.30 juta ekor pada tahun 2007. Manakala pengeluaran nauplii dan benih udang dari pusat pembaik biak swasta menurun 18.26% kepada 10,064.77 juta ekor pada tahun 2008 berbanding 12,313.04 juta ekor pada tahun 2007.

Pada tahun 2008 sejumlah 8.40 juta ekor benih ikan air tawar dilepaskan ke perairan umum menurun 42.66% daripada 14.65 juta ekor benih ikan air

tawar pada tahun 2007. Sejumlah 24.13 juta ekor benih ikan air tawar dibahagikan kepada penternak-penternak pada tahun 2008 berbanding 18.19 juta ekor benih ikan air tawar pada tahun 2007.

5. PERIKANAN TANGKAPAN DARAT

Pendaratan dari perairan umum meningkat kepada 4,352.78 tan metrik pada tahun 2008 daripada 4,279.77 tan metrik pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 1.71%. Manakala dari segi nilai pula meningkat sebanyak 14.56% daripada RM34.13 juta pada tahun 2007 kepada RM39.10 juta pada tahun 2008. Negeri Perak adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 1,049.63 tan metrik atau 24.11% daripada keseluruhan pendaratan ikan dari perairan umum.

Pendaratan/Pengeluaran Perikanan Dan Nilai, Malaysia, 2008

	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)
Perikanan Tangkapan Marin		
Laut Pantai	1,078,752	4,494.79
Laut Dalam	315,779	1,132.35
Jumlah Perikanan Tangkapan Marin	**1,394,531**	**5,627.14**
Akuakultur Air Tawar		
Kolam	70,361.45	338.91
Bekas Lombong	14,976.18	66.32
Sangkar	7,438.40	53.15
Tangki Simen	2,569.02	11.48
Kandang	225.31	0.99
Tangki Kanvas	275.80	0.94
Jumlah Akuakultur Air Tawar	**95,846.16**	**471.80**
Akuakultur Air Payau/Masin		
Kolam	57,118.46	799.69
Sangkar	19,718.24	373.01
Kerang	61,138.32	65.63
Siput Sudu	8,993.71	5.56
Tiram	275.47	1.25
Rumpai Laut	111,298.20	22.26
Tangki Air Masin	38.00	0.84
Jumlah Akuakultur Air Payau/Marin	**258,581.39**	**1,268.25**
Jumlah Akuakultur	**354,427.55**	**1,740.05**
Jumlah Pengeluaran Perikanan Tangkapan Marin dan Akuakultur	**1,748,958.55**	**7,367.19**
Pendaratan Ikan Air Tawar (Perairan Umum)	4,352.78	39.10
Jumlah Ikan Untuk Dimakan	**1,753,311.33**	**7,406.29**
Ikan Hiasan *	**590,139,150**	**734.02**
Tumbuhan Akuatik**	**143,659,220**	**14.48**

* - Kuantiti Dalam Ekor

** - Kuantiti Dalam Ikat